

**Aspek Perburuhan dan Permodalan dalam Ekonomi Melayu:
Persoalan Dominasi Ekonomi Komuniti Imigran
Zaman Permulaan Kapitalisme**
***The Aspects of Labour and Capital in the Malay Economy:
The Question of Economic Domination of the Immigrant
Community in Early Capitalism***

¹A. RAHMAN TANG ABDULLAH

²MOHD SOHAIMI ESA

³MOHAMAD HAZIQ IKHSAN MOHD RUDZAINOOR

^{1&3}Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, UMS, Jln. UMS, 88400 Kota Kinabalu.

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS, Jln. UMS, 88400 Kota Kinabalu.

¹dr.harta@gmail.com & art@ums.edu.my, ²msohaimi@ums.edu.my, ³haziqikhsanrudzainoor@gmail.com
Diterima: 24 April 2017 / Dibaiki: 7 Ogos 2017

Abstrak Dalam konteks Malaysia, isu yang sering dikaitkan dengan impak negatif kapitalisme ialah dominasi ekonomi oleh komuniti bukan Melayu yang menyebabkan ekonomi masyarakat Melayu jauh ketinggalan. Pandangan ini dikaitkan dengan legasi penjajahan yang merujuk kepada kedatangan kapitalisme di Tanah Melayu pada pertengahan kedua abad ke-19. Fenomena ini dilihat sebagai fakta penting yang membawa kepada dominasi ekonomi komuniti imigran terutama sekali kaum Cina di Tanah Melayu. Tujuan makalah ini ditulis adalah untuk memaparkan sudut pandang sejarah bahawa dominasi ekonomi oleh komuniti imigran ini bukanlah semata-mata kerana peluang ekonomi yang diberikan kepada mereka oleh pihak pemerintah Kolonial. Malahan, pendekatan yang sama telah dilaksanakan oleh pemerintah Melayu sebelumnya yang banyak memberikan peluang ekonomi kepada komuniti imigran Cina dan Arab dalam bentuk konsesi dan perkongsian modal sehingga mewujudkan apa yang didakwa sebagai ‘dominasi ekonomi’ oleh komuniti imigran. Kejayaan mereka ini sebenarnya disebabkan penglibatan dengan ekonomi berasaskan wang yang dikaitkan dengan merkantalisme yang mendahului zaman kapitalisme. Sebaliknya, ekonomi berasaskan wang dalam kalangan masyarakat Melayu pada era kapitalisme masih marginal. Justeru, masyarakat Melayu masih sulit menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi hasil daripada pengamalan sistem ekonomi Kapitalisme.

Kata kunci: Perburuhan, permodalan, ekonomi Melayu, komuniti imigran, kapitalisme.

Abstract In the Malaysian context, the issue which usually used to imply the negative view on capitalism is the economic domination of the immigrant communities that resulted to the economic backwardness of the Malays. This view is associated with the colonial legacy in relations to the advent of capitalism in Malaya in the second half of the 19th century. Nevertheless, this article highlights the historical context which shows that the economic domination by the immigrant communities prevails not simply because of the economic opportunities given to them by the colonial authorities. In fact, the similar approach had also been excercised by the Malay rulers who provided opportunities for the Chinese and Arab immigrant in the forms of concessions and joint ventures. This situation led to what had been claimed as the economic domination by the immigrant communities. Their success was actually contributed by the fact that they were involved in money economy associated with mercantilism that preceeded capitalism. In contrast, the orientation of money economy in the Malay society during the period of capitalism was still marginal. Therefore, the Malays were not able to adopt themselves to the economic changes derived from capitalism.

Keywords: Labour, capital, Malay economy, immigrant community, capitalism.

PENGENALAN

Salah satu pandangan negatif yang sering dikaitkan dengan impak kapitalisme di Malaysia hari ini ialah kesenjangan ekonomi yang jauh ketinggalan antara masyarakat Melayu berbanding dengan komuniti bukan Melayu. Malah, isu ini sering dilihat dari sudut sosiopolitik berbanding dengan aspek ekonomi itu sendiri. Penulis melihat bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu anggota masyarakat terhadap sistem ekonomi yang berbeza perlu ditelusuri daripada tindak balas mereka untuk berasimilasi dengan sistem tersebut. Penelusuran terhadap konteks sejarah di Tanah Melayu pada pertengahan kedua abad ke-19 memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu secara keseluruhannya telah mempunyai kesedaran terhadap perubahan ekonomi menuju ke arah kapitalisme. Perubahan ini merujuk kepada bertukar daripada pengamalan sistem ekonomi sara diri kepada komersialisme.

Walau bagaimanapun, kadar perubahan ekonomi ke arah kapitalisme dan komersialisme dalam kalangan masyarakat Melayu agak perlahaan berbanding dengan komuniti imigran. Hal inilah yang memberi gambaran bahawa pengaruh ekonomi komuniti imigran adalah lebih dominan berbanding dengan masyarakat Melayu. Faktor utama yang selalunya dikaitkan dengan masalah kemantapan ekonomi komersial dalam kalangan masyarakat Melayu ialah kekurangan potensi yang dikaitkan dengan ekonomi wang. Sememangnya sumber kewangan diperlukan sebagai modal dan pembiayaan kos operasi. Keperluan kewangan ini bukan sahaja merupakan faktor terpenting dan paling asas dalam sektor perniagaan dan perdagangan tetapi juga dalam sektor penanaman komersial walaupun berskala kecil-kecilan.

Faktor ini dianggap sebagai sebab utama, yang seolah-olah menjadikan masyarakat Melayu ketinggalan berbanding dengan komuniti imigran. Hal ini dapat disaksikan dalam proses transformasi ekonomi yang menjurus kepada sektor yang lebih progresif seperti tanaman komersial, perniagaan dan perdagangan kerana secara tradisinya mereka tidak terdedah kepada ekonomi wang sebelum kedatangan zaman kapitalisme. Oleh hal yang demikian, makalah ini akan mengemukakan perbincangan secara umum tentang masyarakat Melayu dan persoalan dominasi ekonomi komuniti imigran dalam zaman permulaan kapitalisme di Tanah Melayu pada pertengahan kedua abad ke-19. Tumpuan akan diberikan kepada dominasi komuniti imigran dalam kegiatan ekonomi yang berasaskan kepada aspek perburuhan dan permodalan diikuti, perbincangan tentang marginalisasi ekonomi wang dalam kalangan masyarakat Melayu.

DOMINASI KOMUNITI IMIGRAN DALAM KEGIATAN EKONOMI

Satu isu yang membayangi ekonomi masyarakat Melayu dalam zaman kapitalisme ialah dominasi ekonomi yang dikaitkan dengan komuniti bukan Melayu. Status quo ini lazimnya dikaitkan dengan zaman penjajahan dan kapitalisme itu sendiri hingga timbul tanggapan bahawa kemunduran ekonomi masyarakat Melayu berbanding dengan komuniti lain di Tanah Melayu adalah berpunca dari kedua-dua faktor tersebut (Wan Hashim, 1995: 63–79; Mohd Shukor Omar, 2006: 1–23; Muhammed Abdul Khalid, 2014:

31–73; Syahira Hamidon, 2014: 21–5). Pernyataan ini adalah berdasarkan kepada fenomena dan proses perubahan ekonomi yang dikaitkan dengan sistem dan orientasi kapitalisme hasil daripada revolusi perindustrian yang berlaku di Eropah. Oleh hal yang demikian, era permulaan kapitalisme dikatakan bermula pada pertengahan abad ke-19 (Hobsbawm, 2006).

Perkembangan yang berlaku di Eropah ini turut menyebarluaskan manifestasinya di luar Eropah hingga ke rantau Asia Tenggara yang sebenarnya telah terdedah kepada proses imperialisme Barat semenjak abad ke-16 (Kratoska, 2001: 126–376). Bersandarkan kaca mata sejarah ini, para sejarawan, sarjana dalam bidang sosiologi dan ekonomi politik menganggap bahawa kapitalisme dan imperialisme dalam kurun ke-19 dan ke-20 adalah saling berkait malahan bersifat integral (Lenin, 1964: 259–60; Hodgart, 1977: 20; Brewer, 1980: 25). Fenomena imperialisme ini pula dimanifestasikan melalui kolonialisasi atau penjajahan sama ada sebagai tanah jajahan (*colony*) atau negeri naungan (*protectorate*) (Tarling, 2001: 3–20).

Dalam hal ini, Tanah Melayu juga mula dipengaruhi secara langsung atau tidak langsung oleh fenomena kapitalisme yang dikaitkan dengan pertapakan kolonialisasi British di Negeri-Negeri Selat pada suku pertama abad ke-19. Ia kemudiannya telah diperluaskan dengan penguasaan melalui Sistem Residen dan Penasihat British di Negeri-Negeri Melayu yang lain pada suku akhir abad ke-19 dan suku pertama abad ke-20 (Kratoska, 1983). Pertapakan British di Negeri-negeri Selat telah memberikan kesan terhadap perubahan ekonomi yang dikaitkan dengan kapitalisme ke atas Tanah Melayu secara keseluruhannya. Menerusi konteks sejarah pada tempoh ini, dapat ditafsir bahawa berlaku perubahan ekonomi iaitu transformasi ekonomi dari orientasi tradisional kepada pengadaptasian orientasi ekonomi moden berdasarkan kepada komersialisme yang pohan utamanya Kapitalisme (North, 2005: 1–9).

Perkembangan ekonomi pada era ini nampaknya telah memberikan kelebihan kepada komuniti pemodal Eropah dan imigran berbanding dengan masyarakat Melayu. Namun, apabila aspek ekonomi Melayu dibincangkan secara keseluruhannya, salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah tindak balas orang Melayu terhadap perkembangan ekonomi komersial

yang didominasi oleh golongan Eropah dan imigran. Isu ini merujuk kepada sejauh mana orang Melayu menempuh persaingan dengan orang Eropah dan Cina dalam sektor-sektor penting dan utama seperti pertanian dan perniagaan? Selain itu, perlu juga diambil kira kemungkinan terdapatnya interaksi ekonomi antara orang Melayu bukan sahaja dengan golongan Eropah dan Cina, tetapi juga komuniti imigran lain terutama sekali imigran Islam seperti India Muslim dan Arab? Dalam konteks sejarah abad ke-19, kedua-dua golongan India-Muslim dan Arab ini juga memainkan peranan penting dalam ekonomi komersial dan mempunyai kaitannya dengan orang Melayu, terutama sekali golongan pemerintah dan juga golongan pemodal Eropah dan Cina. Melalui perbandingan yang diwujudkan, dapat dikesan bahawa penglibatan orang Melayu dalam kegiatan komersial secara langsung dan peringkat sokongan tidak begitu menggalakkan. Hal ini boleh dirujuk kepada perkembangan sejarah dalam pertengahan akhir abad ke-19 apabila proses perkembangan ekonomi telah pun berlaku dengan pesatnya dalam kalangan imigran Cina, sedangkan proses transisi bagi orang Melayu agak lambat. Keadaan ini dapat dilihat dalam dua aspek utama iaitu perburuhan dan permodalan.

ASPEK PERBURUHAN

Salah satu mekanisme asas yang dikenal pasti dapat membantu proses transisi ekonomi orang Melayu di peringkat bawahan secara realistiknya ialah perubahan guna tenaga. Ia dapat direalisasikan dengan menterjemahkan sumber bukan kewangan mereka ke dalam bentuk hasil wang. Sebenarnya, guna tenaga buruh merupakan aspek yang paling penting dalam proses pengeluaran, tetapi ia lazimnya tidak dianggap begitu ketara kerana ia bersifat abstrak, atau bukannya bersifat konkret seperti tanah dan modal. Oleh hal yang demikian, guna tenaga dalam masyarakat Melayu pada zaman pra-kapitalisme tidak semestinya tergolong dalam takrif sara diri ini. Pada umumnya, hanya guna tenaga persendirian sahaja yang termasuk dalam takrif ini kerana ia tidak tertakluk kepada nilai wang upah atau reifikasi. Istilah ini merujuk kepada proses penentuan nilai barang dan perkhidmatan (khususnya tenaga buruh) dalam bentuk nilai wang (Perry, 2002: 79–84; Fine dan Saad-Filho, 2012: 369–70). Persoalannya di sini ialah sejauh manakah guna tenaga diterjemahkan kepada ekonomi wang?

Secara prinsipnya, guna tenaga diperlukan dalam semua kegiatan ekonomi, sama ada sara diri mahupun ekonomi pasaran. Namun, dalam kegiatan ekonomi sara diri, tenaga buruh ini tidak dikaitkan dengan bayaran upah. Hal ini demikian kerana berdasarkan andaian bahawa tenaga buruh adalah diperoleh daripada ahli keluarga sendiri yang tidak dibayar upah. Sekiranya ia melibatkan bayaran upah tenaga buruh, maka ia tidak lagi ditakrifkan sebagai sara diri (Puthucheary, 2004: 2).

Oleh hal yang demikian, secara praktiknya keadaan ini telah memberi peluang kepada orang Melayu untuk menumpukan guna tenaga mereka secara persendirian, sama ada bekerja sebagai petani untuk mengusahakan tanah pertanian atau mengambil upah. Pada dekad 1880-an, sektor perlombongan dan perladangan secara komersial cenderung diusahakan oleh pemodal Cina dan Eropah. Walau bagaimanapun, sebelum kehadiran pihak pentadbiran British di Tanah Melayu lagi sudah terdapat situasi yang menunjukkan bahawa pihak pemerintah Melayu sendiri sebenarnya lebih bergantung pada kehadiran imigran Cina sama ada sebagai pelabur mahupun buruh untuk tujuan penjanaan ekonomi. Kehadiran golongan buruh pertanian dan perlombongan kaum Cina di Negeri-Negeri Selat dan negeri-negeri Melayu pantai barat telah memacu sumber pendapatan pihak pemerintah melalui sistem percukaian yang diperoleh daripada sistem pajakan hasil serta perolehan pendapatan melalui monopolii terhadap barang dan perkhidmatan seperti candu, minuman keras, tembakau, perjudian, bayaran konsesi tanah dan duti bijih timah (Nonini, 1991: 51).

Sumber-sumber pendapatan tersebut tidak ada kaitannya dengan masyarakat Melayu bawahan, sama ada secara langsung atau tidak langsung kecuali dalam kegiatan perlombongan bijih timah. Sektor perlombongan timah juga telah didominasi oleh imigran Cina dengan merujuk kepada pembukaan perlombongan timah di Larut oleh Long Jaafar kepada pelombong-pelombong Cina selepas tahun 1848 (Mohd. Fadzil Othman, 1980: 137). Untuk menggalak dan mempertingkatkan penyertaan orang Cina dalam sektor perlombongan di Larut, beliau dikatakan telah memberikan wang pendahuluan kepada pengusaha Cina. Dana ini adalah untuk membawa buruh-buruh Cina masuk mengusahakan kawasan perlombongan di situ.

Usaha Long Jaafar kemudiannya telah diteruskan oleh anaknya, Ngah Ibrahim yang menjadi Menteri Larut pada dekad 1860-an dan awal 1870-an.¹

Penglibatan orang Melayu tempatan di peringkat sokongan seperti menjadi buruh di ladang komersial juga tidaklah begitu menggalakkan. Dari satu sudut, pihak pelabur Eropah lebih cenderung untuk mengambil orang Cina atau India untuk mengerjakan ladang-ladang komersial seperti tanaman kopi. Penglibatan buruh Melayu dalam sektor perladangan begitu sedikit lantaran daripada sifat masyarakat Melayu setempat yang gemar dengan corak kehidupan di desa yang begitu berbeza dengan corak kehidupan ladang kerana kawasan ladang merupakan hutan yang ditebang untuk tujuan membina ladang dan mereka tidak memperoleh tanah tersebut. Sekiranya ada penglibatan orang Melayu dalam sektor ini, kebanyakannya mereka adalah komuniti yang berhijrah dari luar ke Semenanjung Tanah Melayu. Sebagai contoh, komuniti yang berhijrah dari Pulau Jawa ke Johor untuk mengusahakan perladangan di Kukup, kepunyaan keluarga al-Sagoff.²

Dalam konteks masyarakat Melayu bawahani di Johor, penglibatan orang Melayu tempatan kebiasaannya terhad kepada tugas mengambil upah untuk menebang kawasan hutan dan membina rumah sahaja. Mereka kurang diberikan perhatian khususnya daripada pelabur Eropah kerana sikap mereka yang tidak gemar untuk membersihkan tanah hutan yang telah ditebang itu.³

Hal ini berbeza dengan orang Jawa yang dianggap lebih proaktif melalui kesungguhan yang ditunjukkan oleh mereka untuk terlibat dalam sektor perburuhan di ladang. Mereka terdorong untuk berusaha keras disebabkan oleh peluang yang ditawarkan kepada mereka untuk menunaikan haji sebagaimana tertera dalam syarat dan terma yang dipersetujui oleh mereka. Berdasarkan kes konsesi al-Sagoff di Kukup (Al-Sagoff, 1963: *passim*), apabila orang Jawa ingin mengerjakan Haji, mereka akan bersetuju mendapatkan peluang ini melalui satu perjanjian pinjaman dan mereka sanggup bekerja secara percuma atau menerima gaji yang minimum bagi sesuatu tempoh yang tertentu setelah kembali daripada mengerjakan fardu Haji di Makkah.⁴ Buruh Jawa yang terlibat dalam sistem ini disebut

sebagai orang tebusan yang diuruskan melalui satu agensi yang lazimnya dikendalikan oleh golongan Syed. Mereka yang kebanyakannya merupakan orang yang pulang dari Makkah, kemudiannya akan dipindah milik kepada pemilik tanah di Tanah Melayu. Kebanyakan buruh ini kemudiannya tinggal menetap di satu perkampungan walaupun terdapat juga sesetengah yang pulang semula ke Pulau Jawa (Gullick, 1991: 113).

Sistem perburuhan ini boleh dianggap sebagai sistem *indenture* yang diamalkan di Amerika Utara sebelum kewujudan institusi perhambaan di sana (Brogan, 1990: 27, 94, 101, 110). Sikap progresif masyarakat Jawa ini berlaku kerana mereka telah mengalami beberapa siri kesusahan di tanah kelahiran mereka sebelumnya yang membawa kepada penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Justeru, hal ini memberikan inspirasi kepada mereka untuk membuka tanah yang kebanyakannya merupakan kawasan hutan dan terletak jauh daripada pusat pemerintahan Melayu. Fenomena ini dapat disaksikan dalam pembukaan kampung baru di Muar pada dekad 1870-an. Kebanyakan kampung ini merupakan kawasan pembukaan tanah baharu yang pada asalnya merupakan kawasan hutan yang terletak berhampiran sesebuah perkampungan yang sedia ada. Oleh itu, kawasan ini muncul sebagai perkampungan orang Jawa yang sebenarnya bersambung dari sesebuah kampung asal yang mempunyai penghulu Melayu.⁵ Berdasarkan hujah yang telah dinyatakan sebelumnya, maka tidaklah menghairankan golongan penghijrah ini cenderung untuk terlibat secara serius dalam perusahaan berasaskan getah apabila tanaman tersebut berkembang sebagai tanaman komersial yang menguntungkan pada awal abad ke-20 (Lim, 1977: 73–78).

ASPEK PERMODALAN

Oleh sebab sistem ekonomi wang ini lebih tertumpu kepada golongan pemerintah, maka kejayaan dan kegagalan orang Melayu secara umumnya untuk menyambut perubahan orientasi ekonomi yang sedang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu bergantung pada kesediaan mereka untuk memberi ruang kepada masyarakat Melayu di peringkat bawah. Walau bagaimanapun, jika ditinjau dalam konteks ini, golongan pemerintah

Melayu sendiri lebih cenderung untuk menjalinkan usaha sama dengan golongan pemodal Eropah dan komuniti imigran yang telah pun terlibat dengan ekonomi wang berbanding dengan golongan masyarakat Melayu sendiri. Pada ketika itu, pihak pemerintah Melayu terutama sekali di Johor menjalin hubungan perniagaan dan lebih cenderung memberikan konsesi ekonomi kepada orang Eropah khususnya pihak British. Pihak pemerintah Johor mempunyai hubungan perniagaan yang rapat dengan Ker, Rawson and Co.,⁶ Paterson, Simon and Co.⁷ dan Rodyk and Davidson (Buckley, 1965: 200–201, 203–212). Menerusi kerjasama sedemikian, golongan saudagar Eropah memberikan pinjaman kewangan kepada golongan pemerintah untuk mengusahakan kegiatan ekonomi pertanian komersial yang tidak melibatkan orang Melayu daripada kalangan rakyat. Hal ini disebabkan orang Melayu daripada golongan bukan pemerintah tidak mempunyai sumber kewangan atau pun tidak lagi terdedah dengan orientasi ekonomi kapitalis yang memerlukan penggunaan wang yang besar.

Realitinya, konsep ekonomi wang dalam kalangan orang Melayu masih minimal dalam kegiatan yang berbentuk komersial dan kapitalis pada ketika itu. Dalam keadaan sedemikian, mereka hanya terdedah kepada ekonomi wang dalam kegiatan perburuhan yang berbentuk bayaran upah. Malangnya, golongan saudagar, pelabur Eropah dan Cina ini lebih berminat membawa buruh-buruh luar terutama sekali orang Cina dan orang India walaupun golongan tersebut sebenarnya tidak biasa dengan kegiatan tanaman komersial tropika yang baharu seperti lada hitam, gambir, ubi, kopi Liberia dan koko (Hill, 1879: 2–8). Golongan pemodal Cina pula lebih menumpukan perhatian untuk membawa buruh Cina termasuklah dalam penanaman padi di Kedah. Kemasukan mereka juga mendatangkan sumber-sumber pendapatan lain yang diperoleh daripada konsesi pajakan hasil seperti candu, arak dan judi.⁸

Sektor pajakan hasil inilah yang membolehkan hasil dijana darinya, sekali gus membolehkan pemodal-pemodal Cina memberikan tawaran pembayaran konsesi kepada pemerintah Melayu. Keadaan ini telah mewujudkan kebergantungan pemerintah Melayu pada mereka dan membolehkan golongan imigran ini mendapatkan pengaruh ekonomi di Negeri-Negeri Melayu. Terdapat juga satu kes terpencil, iaitu pembesar

Melayu juga cuba mendapatkan konsesi yang sama dan juga menjana pendapatan daripada sumber-sumber yang sama seperti yang terdapat di Kedah pada tahun 1900.⁹ Namun pada lazimnya, pembesar-pembesar Melayu hanya terlibat sebagai rakan kongsi seperti yang terdapat di Johor.

Selanjutnya, pihak pemerintah British di Negeri-Negeri Selat juga cenderung memberikan peluang yang membawa kepada potensi ekonomi kepada golongan imigran Islam. Ia dapat dikesan melalui beberapa konsesi tanah yang diberikan kepada komuniti India Islam dan Arab (Mahani Musa & Badriyah Haji Salleh, 2013). Kes yang diketahui umum ialah Kader Muhibdeen/Mydin Merican, seorang pedagang India Islam di Pulau Pinang. Pada tahun 1770 iaitu ketika berumur 11 tahun, beliau bersama-sama seorang adik lelaki berumur tujuh tahun bernama Muhammad Noordin Merican telah dibawa berhijrah oleh ibu mereka, Fatma atau Fatimah dalam satu rombongan imigran India dengan menaiki perahu pelayaran ke Kepulauan Melayu. Mereka sebenarnya berasal dari satu perkampungan pelabuhan bernama “Parrangi Pettai”. Tempat ini sekarang dikenali sebagai “Porto Novo”, yang terletak di daerah Arcot, di sebelah pantai timur India (Merican, 2003).

Kumpulan imigran India ini telah berlabuh di Pudukarai, iaitu tempat yang dikatakan jauh daripada kegiatan pelanunan yang selalunya dikaitkan dengan Orang Laut. Mereka bertiga telah mengharungi situasi yang mencabar bagi memperbaiki kehidupan mereka. Walaupun kedua-dua beradik ini belum dewasa, mereka telah melakukan pelayaran untuk berdagang ke Kedah Tua yang berhampiran dengan Kota Kuala Kedah, Aceh dan beberapa pelabuhan lain. Antara barang dagangan mereka termasuklah kain, kayu gaharu, manik dan barang perhiasan yang berwarna-warni. Mereka dikatakan telah membawa kemajuan di Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light pada tahun 1886. Hasil daripada usaha yang bersungguh-sungguh dalam kegiatan perdagangan, mereka telah menjadi kaya dan mendapat penghormatan penduduk di Pulau Pinang dan Kedah. Oleh hal yang demikian, tidak menghairankan bahawa mereka juga telah diberikan penghormatan dan penghargaan oleh Francis Light (*Ibid*).

Lantaran itu, Kader Muhibdeen/Mydin Merican telah dilantik sebagai Kapitan Keling di Pulau Pinang oleh pihak pentadbiran Syarikat Hindia

Timur di situ pada tahun 1801. Berdasarkan lantikan itu, beliau diberikan kuasa untuk melindungi, mengurus dan mentadbir hal ehwal dalam kalangan komuniti India Islam di situ. Selain itu, Kapitan Keling juga merupakan ketua kepada komuniti Chulia dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan mereka. Natijahnya, Kader Muhibdeen/Mydin Merican berjaya memperkembang kekayaannya sehingga muncul sebagai hartawan dengan taksiran nilai hartanya berjumlah Sp. \$50 000 pada tahun 1834. Beliau juga telah menggunakan kekayaannya untuk pembangunan masjid dan merupakan pengasas Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang (*Ibid*). Dengan kedudukan sebagai orang India yang paling kaya dan berpengaruh, beliau telah mendapat penghormatan daripada Sultan Kedah, iaitu Sultan Ahmad Tajuddin yang mlarikan diri ke Pulau Pinang akibat serangan Siam terhadap Kedah pada tahun 1821. Beliau kemudiannya telah diperkenankan untuk berkahwin dengan puteri baginda bernama Tunku Wan Chik Taiboo atau Tunku Maheran (*Ibid*).¹⁰

Peluang yang sama juga diberikan kepada Syed Hussain Aidid yang menjadi pelopor kepada kewujudan penempatan di Lebuh Aceh dan Batu Uban serta pengasas Masjid Melayu di Lebuh Aceh, Pulau Pinang. Beliau merupakan cucu Sultan Aceh dan pedagang yang berjaya dan berpengaruh. Kegiatan beliau sebagai seorang pedagang bermusim yang selalu berdagang ke seluruh Kepulauan Melayu telah menyebabkan beliau berjaya menjalinkan jaringan perdagangan yang luas. Kedudukan beliau telah menarik minat komuniti perdagangan Arab untuk berpindah ke Pulau Pinang (Bajunid, 1971: 5–16).

Kedua-dua golongan India-Muslim dan Arab tersebut kemudiannya merupakan golongan orang Islam yang melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi perniagaan dan perdagangan bukan sahaja di Negeri-Negeri Selat tetapi di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini disebabkan mereka telah terlibat dalam kegiatan tersebut dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi komersial. Kebanyakan mereka menceburkan diri dalam sektor harta tanah yang sebahagiannya disumbangkan dalam bentuk harta wakaf. Sebagai contoh, wakaf golongan India Muslim boleh dikesan melalui kewujudan Wakaf Kapitan Keling, Alimsah Vali dan Majoodsaw di Pulau Pinang dan Wakaf Sentosa di Alor Setar, Kedah. Sementara itu,

wakaf yang berkaitan dengan orang Arab ialah Masjid Kampung Melayu dan Wakaf al-Masyhur di Pulau Pinang.

KEBERGANTUNGAN PEMERINTAH MELAYU KEPADA MODAL KOMUNITI CINA

Sementara itu, situasi di Johor menunjukkan terdapat beberapa individu penting dalam pemerintahan negeri seperti ahli Majlis Mesyuarat Negeri pada tahun 1874¹¹ turut mempunyai kepentingan langsung sebagai rakan dagang kepada konsesi, antara pembesar tersebut termasuklah Engku Abdul Majid (adik Maharaja Abu Bakar), Engku Abdul Rahman (adik dan wakil raja kepada Maharaja Abu Bakar), Jaafar Haji Mohamed yang merupakan Menteri Besar Johor pertama dan sebagainya (Trocki, 1979: 172–74).

Dalam amalan ekonomi kapitalisme, golongan imigran terutama sekali komuniti Cina sememangnya mendapat tempat dalam kalangan pembesar Melayu kerana dilihat progresif dari sudut ekonomi. Justeru, adalah penting bagi masyarakat Melayu menyedari bahawa mereka perlu menghayati konsep dan amalan serta realiti kapitalisme yang sebenarnya. Suatu hal yang wajar difahami bahawa kegiatan ekonomi bukan sahaja diusahakan bagi menghasilkan pendapatan dan keuntungan. Malahan, perkara yang lebih penting ialah mereka juga perlu bersedia menerima situasi bahawa sesuatu kegiatan ekonomi dan perniagaan juga mempunyai risiko dan boleh membawa kepada kegagalan atau kerugian sebelum menjelma keuntungan hasil daripada cabaran tersebut. Pandangan dan norma sedemikian lazimnya dikaitkan dengan komuniti imigran khususnya komuniti Cina. Sebagai contoh, berdasarkan catatan Mohamed Ibrahim Munsyi, seorang Cina bernama Chu Ngo telah mengusahakan lombong bijih timah di Padang, Muar. Pada permulaannya, usaha beliau sebenarnya telah mengalami kerugian tetapi beliau masih meneruskan perlombongan tersebut sehingga akhirnya mendapat keuntungan (Mohd. Fadzil Othman, 1980: 18). Satu contoh kes lagi ialah seorang Cina bernama Lim Boon Toh, telah meminjam wang sebanyak \$300 daripada Engku Abdul Rahman pada bulan Jun 1871 untuk membayar hutang tertunggak bagi bayaran pajakan hasil di Padang. Beliau terus memanjangkan konsesi tersebut selama dua

tahun sehingga beliau berjaya mendapatkan hasil serta keuntungan bagi menjelaskan bayaran hutang tersebut.¹²

Hal ini perlu difahami kerana pada hakikatnya, golongan imigran ini telah sebatи dengan amalan dan orientasi merkantilisme yang dikaitkan dengan ekonomi wang. Berbalik kepada komuniti Cina di Johor, kebanyakan aktiviti mereka yang ditadbir di bawah Sistem Kangcu ini sebenarnya mempunyai kaitan rapat dengan sistem pajakan hasil yang beroperasi di bawah sesuatu kongsi yang dimiliki oleh golongan pelabur Cina yang berpusat di Singapura. Kelompok pelabur Cina yang berpangkalan di Singapura ini pula sebenarnya memperoleh modal dalam bentuk pinjaman daripada golongan pelabur Eropah di sana yang merupakan anggota pertubuhan pelabur Eropah Singapura yang dikenali sebagai *Singapore Chamber of Commerce*.¹³ Akibatnya, sistem pajakan hasil ini telah menjadi asas kepada dominasi ekonomi Tanah Melayu oleh komuniti perniagaan Cina pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Hal ini membawa kepada implikasi yang timbul seterusnya iaitu kebergantungan golongan pemerintah Melayu pada komuniti Cina dari segi pendapatan hasil.

Kebergantungan golongan pemerintah Melayu kepada komuniti perniagaan Cina ini juga dimanifestasikan melalui tindakan pembesar-pembesar Melayu yang hanya menjadi rakan kongsi bersekutu dalam sesuatu perniagaan dan perdagangan. Tindakan golongan pemerintah Melayu ini adalah berdasarkan andaian bahawa cara tersebut merupakan langkah yang paling selamat bagi mengelakkan risiko besar sekiranya mereka menjadi ahli utama. Oleh itu, kerugian mereka hanyalah tidak menerima dividen semasa.

KONSESI PERMODALAN KOMINITI ARAB

Secara jelasnya, pihak pemerintah Johor terutamanya Maharaja Abu Bakar sering menjalin kerjasama perniagaan dan memberikan konsesi tanah kepada komuniti Arab dalam sektor perlombongan dan perladangan. Komuniti ini merupakan golongan peniaga yang berpusat di Singapura dan berhasrat mengembangkan perniagaan mereka ke Johor (Mohd Sohaimi, 1999: 45–135). Antara konsesi perlombongan yang dikaitkan dengan komuniti

Arab ini ialah konsesi melombong bijih timah di Ayer Putih yang diperoleh oleh Syed Muhammed Abdullah Umar al-Junid.¹⁴ Selain itu, orang Arab juga diberikan konsesi tanah mengikut syarat-syarat yang dilaksanakan di bawah Sistem Kangcu di Sungai Sekudai dan Teberau.¹⁵

Rasional tindakan memberikan konsesi ini didorong oleh kesediaan pemegang konsesi untuk membayar cukai tanah kepada kerajaan negeri. Hal ini dapat diperhatikan menerusi kes Syed Muhammad al-Sagoff yang telah dikurniakan satu konsesi yang dikenali sebagai konsesi Kukup pada tahun 1878 dengan keluaan tanah dianggarkan antara 50,000 hingga 60,000 ekar (Saadiah Said, 1979: 52–67). Kewujudan konsesi ini menggambarkan bahawa pemegang konsesi berperanan besar dalam memajukan sektor pertanian skala besar dalam daerah tersebut pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Perhatian khusus perlu diberikan terhadap terma dan syarat yang terkandung dalam konsesi ini kerana ia menggambarkan berkenaan pola konsesi yang diperoleh oleh golongan Arab yang dikatakan lebih banyak mendapat kelebihan berbanding dengan Sistem Kangcu yang diberikan kepada komuniti Cina. Situasi ini dapat difahami kerana golongan Arab, terutama sekali golongan Syed mempunyai kedudukan yang tinggi dan dipandang mulia lantaran status sosial mereka yang dikaitkan dengan agama Islam dalam masyarakat Melayu (A Rahman Tang Abdullah, 2009: 46–53).

Konsesi Kukup ini telah dikurniakan oleh Maharaja Abu Bakar kepada Syed Mohamed bin Ahmad bin Abdul Rahman al-Sagoff dan waris keturunan beliau untuk selama-lamanya bagi menjalankan kegiatan semua jenis tanaman kecuali candu. Tarikh permulaan konsesi ini ialah 14 Jamadil-Awal tahun 1295 Hijriyah bersamaan 17 Mei 1878.¹⁶ Kawasan konsesi ini terletak antara Sungai Permas di timur dan Sungai Jeram Batu di barat yang merupakan sebahagian daripada Sungai Pulai dan juga segala tanah bakau yang terletak di sebelah barat tepi laut dan tepi sungai-sungai yang terletak di sempadan kawasan konsesi ini. Syarat-syarat konsesi ini terkandung dalam 14 fasal seperti yang berikut:

Pertama, Syed Mohamed perlu membayar sewa tanah berdasarkan kepada kadar dua setengah peratus bagi semua hasil tanaman yang diperoleh

dari kawasan ini. Bayaran ini hanya berkuat kuasa selepas tempoh sepuluh tahun pertama dan di kecualikan membayar cukai tersebut dalam tempoh permulaan tersebut. Kedua, hak milik kesemua individu terhadap setiap kebun gambir, buah-buahan dan jenis tanaman yang lain serta tanah padi yang terdapat dalam kawasan ini diperakui sepenuhnya oleh pihak kerajaan dan pihak pemegang konsesi. Ketiga, pihak kerajaan Johor masih mengekalkan hak terhadap semua sungai dan pantai yang terletak di tepi sempadan-sempadan tanah tersebut.

Syarat keempat ialah pihak kerajaan mempunyai hak terhadap tanah yang mempunyai hasil galian timah, emas dan sebarang galian lain berserta arang batu yang terdapat dalam kawasan konsesi ini. Namun, konsensi ini boleh dikurniakan kepada Syed Mohamed sekiranya beliau berhajat untuk mengusahakannya dan tertakluk kepada peraturan yang sama seperti orang lain. Kelima, Maharaja Abu Bakar dan waris pengganti baginda berkuasa memperuntukkan sebahagian tanah konsesi tersebut bagi tujuan kegunaan orang awam seperti membina jalan dan sebagainya. Sekiranya tanah yang diambil alih itu melibatkan kos yang telah dibelanjakan oleh Syed Mohamed, pihak maharaja dan warisnya perlu membayar ganti rugi dengan jumlah yang telah ditetapkan oleh pihak pengantara melalui proses rundingan. Keenam, pihak Maharaja dan waris pengganti baginda boleh menyediakan sepenuhnya kepada Syed Mohamed kemudahan perhubungan jalan sungai seperti kemudahan pelayaran dan kemudahan tempat bagi barang-barang. Ketujuh, kesemua kawasan tanah atau sebahagian daripadanya boleh dijual oleh Syed Mohamed tetapi sesiapa yang membelinya juga tertakluk kepada semua peraturan yang tersebut dalam syarat konsesi ini. Kelapan, jika Syed Mohamed tidak mengusahakan kegiatan penanaman bagi keluasan 300 ekar dalam tempoh tiga tahun yang pertama dan seribu ekar tanah dalam tempoh 12 tahun yang pertama dari tarikh permulaan konsesi ini, pihak Maharaja dan waris pengganti baginda boleh mengambil kembali bahagian tanah yang masih belum diusahakan. Kesembilan, Syed Mohamed tiada mempunyai hak terhadap segala jenis kayu, akar, rotan dan nibung yang terdapat dalam kawasan tanah tersebut yang bukan daripada bahagian yang dikehendaki untuk dipergunakannya ketika menjalankan proses bagi tanam tanaman. Namun, sekiranya ingin menggunakan kayu-kayu dan sebagainya,

beliau boleh melakukannya tanpa membayar cukai dan tidak perlu meminta keizinan lagi daripada Maharaja.

Kesepuluh, sesiapa yang mahu meluaskan kebun buah-buahan atau tanah-tanah sagu dan padi mestilah memberitahu Syed Mohamed. Beliau juga boleh membenarkan dan menghalangnya sekiranya usaha itu tidak sesuai atau gagal. Kesebelas, semua sempadan sungai yang merupakan kawasan Kangcu perkebunan lada hitam dan gambir orang Cina yang terletak dalam kawasan ini tidak tertakluk dalam konsesi ini dan Syed Mohamed tidak boleh mencampuri dan tidak mempunyak hak kekuasaan terhadap Kangchu-Kangchu tersebut. Kedua belas, Syed Mohamed hendaklah membeli candu dan arak daripada sesiapa yang memajak kedua-dua barang itu bagi kegunaan segala orang atau *coolie* yang bekerja dan yang tinggal di dalam kawasan konsesi ini tetapi orang-orang lain tidak dibenarkan berjual kedua-dua barang itu. Ketiga belas, setelah tarikh perjanjian ini, Syed Mohamed boleh memohon geran bagi sesuatu bidang tanah yang tidak terhad kepada saiznya dalam kawasan konsesi ini dengan syarat tanah itu ditentukan tidak dimiliki oleh sesiapa. Keempat belas, waris pengganti Syed Mohamed dan pembeli-pembeli tanah hendaklah membayar dan menyempurnakan setiap hak bagi kerajaan Johor seperti yang termaktub dalam kesemua fasal perjanjian ini. Selain itu, waris pengganti Maharaja mestilah mematuhi dan menyempurnakan hak Syed Mohamed dan waris penggantinya terhadap konsesi ini berdasarkan kepada kesemua syarat yang telah dinyatakan sebelumnya.

Berdasarkan kepada keseluruhan syarat konsesi di atas, jelas menunjukkan bahawa syarat pertama yang merujuk kepada cukai dua setengah peratus terhadap kesemua hasil konsesi tersebut merupakan tujuan utama kerajaan Johor. Namun begitu, syarat pertama ini bukan sahaja memberikan kelonggaran pembayaran cukai ini pada tempoh sepuluh tahun yang pertama, tetapi juga tertakluk kepada tiga syarat seperti yang dinyatakan dalam fasal kedua, ketujuh dan kelapan. Syarat kedua, memberikan pengertian bahawa pemegang konsesi tidak tertakluk kepada syarat pertama kerana cukai hasil akan dibayar oleh pemilik tanah yang mengusahakan kebun gambir, buah-buahan dan jenis tanaman yang lain serta tanah padi yang terletak dalam kawasan konsesi tersebut.

Justeru, pemegang konsesi boleh meringankan beban cukainya melalui penjualan tanah kepada orang lain seperti yang dinyatakan dalam syarat ketujuh. Bermakna, pemegang konsesi hanya bertanggungjawab kepada pembayaran cukai tanah hasil bagi tanah yang diusahaannya sendiri dan tanah kosong atau tanah yang belum lagi dimiliki oleh orang lain dalam kawasan konsesi. Bahkan, beban cukai tanah kosong ini hanya akan berkuat kuasa setelah tempoh sepuluh tahun dari tarikh permulaan konsesi ini. Oleh hal yang demikian, pemegang konsesi hanya wajib mengusahakan tanah sekurang-kurangnya bagi keluasan 300 ekar dalam tempoh tiga tahun dan seribu ekar dalam tempoh 12 tahun sebagaimana yang termaktub dalam fasal kelapan perjanjian tersebut. Sekiranya syarat ini gagal dipatuhi, barulah pihak Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar yang kemudiannya menjadi Sultan Johor) dan waris pengganti baginda boleh mengambil kembali bahagian tanah yang masih belum diusahakan.

Namun begitu, secara realitinya pengambilalihan semula tanah kosong ini hanya berlaku selepas 12 tahun, bukannya tiga tahun. Oleh itu, perlu difahami di sini bahawa terma pengambilalihan semula ini adalah untuk melupuskan kewajipan pembayaran cukai oleh pihak pemegang konsesi tanah kosong yang perlu ditanggung oleh pihak pemegang konsesi setelah sepuluh tahun. Bermakna tempoh permulaan pembayaran cukai tanah hasil sepatutnya bermula pada 16 Mac 1888. Perkara ini telah digunakan sebaik-baiknya oleh pihak pemegang konsesi untuk merundingkan terma berkenaan pembayaran cukai dengan pihak kerajaan Johor. Natiyahnya, mereka telah diberikan terma yang lebih baik yang boleh dianggap sebagai insentif bagi memajukan kawasan tersebut.

Maka, pada 16 April 1888, Sultan Abu Bakar dan Kerajaan Johor telah menandatangani satu surat perjanjian pembatalan cukai tanah konsesi Kukup. Menurut surat itu, Sultan Abu Bakar dengan rela hati telah bersetuju untuk memansuhkan cukai tanah hasil terhadap tanah yang dippunyai oleh Syed Mohamed al-Sagoff yang terletak dalam kawasan konsesi tersebut. Sebagaimana yang telah disebutkan, pada asalnya, menurut syarat pertama konsesi ini, pembayaran cukai tersebut sepatutnya mula berkuat kuasa pada 16 Mac 1888. Syarat pemansuhan cukai ini terpakai terhadap kesemua tanah yang dimiliki oleh Syed Mohamed al-Sagoff dan waris keturunannya

untuk selama-lamanya selagi tanah itu dimiliki oleh mereka. Keputusan ini dibuat kerana memikirkan terlalu banyak wang yang telah dibelanjakan oleh mereka bagi tanah atau kebun.

Bermakna, cukai hasil tanah tersebut hanya berkuat kuasa apabila berlakunya pindah milik kepada orang lain atau apabila tanah milik keturunan al-Sagoff itu ditukarkan menjadi milikan syarikat perniagaan. Pemilik tanah baharu atau syarikat kepunyaan keluarga al-Sagoff ini hanya akan dikenakan cukai tanah hasil selepas lima tahun dari tarikh pindah milik atau tanah syarikat. Malahan, cukai yang dikenakan terhadap tanah kepunyaan syarikat al-Sagoff sebenarnya telah dikurangkan setengah daripada kadar yang ditetapkan dalam perjanjian asal, iaitu daripada 2.5 peratus kepada 1.25 peratus.¹⁷

Syed Mohamed al-Sagoff ‘seolah-olah’ telah diberikan kuasa *de facto* bagi mentadbir dan menguruskan kawasan yang terletak dalam konsesi ini. Selain itu, beliau turut berkuasa untuk mengutip cukai tanah sebanyak 2.5% daripada pemilik tanah dan 10% cukai hasil pertanian daripada pengusaha ladang dalam kawasan konsesi tersebut. Selanjutnya, untuk memastikan kelangsungan operasi, mereka gemar menggunakan khidmat buruh asing terutamanya orang Jawa menerusi sistem yang dikenali sebagai orang tebusan (Mohd Sohaimi, 1999: 75–81).

Selain masyarakat Arab di Johor, kecenderungan yang sama dapat diperhatikan di negeri Pahang menerusi surat perjanjian tanah konsesi antara Sultan Ahmad, Pahang, dengan Syed Hassan Ahmad al-Attas yang ditandatangani pada 10 April 1889. Sebagaimana dinyatakan dalam surat tersebut, konsesi ini memberikan pajakan yang mengikut model Sistem Kangcu di Johor. Namun begitu, konsesi ini sebenarnya mempunyai keistimewaan yang berbeza jika dibandingkan dengan Sistem Kangcu, iaitu syarat perlepasan cukai tanah sebagaimana yang telah dikurniakan kepada Syed Hassan al-Attas yang memiliki konsesi ini. Kandungan surat tersebut menyatakan bahawa Sultan Pahang telah mengurniakan sebidang tanah kepada beliau selama 99 tahun tanpa perlu membayar cukai tanah sepanjang tempoh tersebut. Kawasan konsesi yang dinyatakan meliputi sempadan yang bermula “dari Kuala Pahang Tanjung Pekera mengikut

tepi laut membawa ke Sungai Kayu Mati, dari situ menuju ke barat tepat sehingga sejauh bertentang Air Hitam, dari situ menuju ke Kuala Air Hitam, kemudian dari situ mengikut kanan hilir Sungai Pahang sampai kepada sempadan yang tersebut...”.¹⁸ Kawasan konsesi ini sebenarnya terletak di Ketapang, tempat Syed Hassan mendirikan rumahnya di sana. Kawasan ini dikatakan pernah dijadikan oleh Sultan Pahang sebagai tempat untuk meraikan Sultan Johor dan Gabenor Negeri-Negeri Selat yang datang melawat Pahang ketika pemberontakan Datuk Bahaman pada awal tahun 1890-an (Khaltum Jeran, 1986: 132).

Berpandukan kepada catatan keluarga al-Attas, keluasan tanah ini dianggarkan lebih kurang 14,000 ekar. Kawasan tanah ini telah digunakan sebagai kawasan ladang untuk tanaman kelapa dan getah. Sebenarnya, tanah ini merupakan tanah kurnia dan boleh diambil alih semula oleh Sultan Pahang atau pihak kerajaan pada bila-bila masa. Namun begitu, keluarga Syed Hassan telah menikmati faedah ekonominya kerana tanah ini hanya diambil oleh pihak Kerajaan Pahang pada tahun 1950-an. Bermula dari sinilah, beliau telah memperkembang kekayaannya di Johor dengan memperoleh konsesi tanah di Johor Bahru yang kemudiannya dikenali sebagai Wadi Hana, yang sebahagiannya telah dijadikan tapak lama Madrasah al-Attas (Al-Attas, 1984).

Selain itu, Syed Hassan juga telah dikurniakan konsesi perlombongan emas di Pahang yang mula diusahakan oleh beliau pada tahun 1890. Meski yang demikian beliau hanya mengusahakan secara kecil-kecilan dengan mengupah penduduk tempatan untuk mengusahakan kawasan tersebut. Untuk mendapatkan pulangan yang lebih lumayan dan segera, beliau memajakkan tanah lombong miliknya kepada pemodal asing seperti Burkinshaw daripada Messrs, Donaldan and Burkinshaw, Murray daripada Mercantile Bank dan Cuthbertson daripada Boustead and Co dengan peruntukkan saham bernilai 17 000 dengan harga RM 3.00 seunit.¹⁹

Berdasarkan kes yang dinyatakan menunjukkan bahawa peluang yang diperoleh oleh seseorang individu Arab Saiyid hanyalah berdasarkan hubungan baik dengan pihak istana dan bukannya kemahiran yang dimiliki dalam suatu urusan ekonomi. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka

berupaya menggunakan peluang ekonomi yang sedia ada hasil pengalaman merkantilisme sebelumnya. Menerusi fenomena dan generalisasi yang dikaitkan dengan komuniti imigran Islam ini, dapat diperhatikan bahawa mereka lazimnya bergerak dan beroperasi dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan dalam lingkungan keluarga. Pada mulanya, seseorang individu yang berhijrah ke sini akan bekerja dengan tauke Cina atau Melayu tempatan yang kaya terlebih dahulu. Tujuannya untuk mempelajari sesuatu perniagaan dan cuba mengumpulkan modal permulaan. Apabila modal permulaan telah mencukupi, mereka akan membuka perniagaan dan hal ini akan menarik kedatangan kaum kerabat mereka ke sini. Akhirnya, wujud lingkungan perniagaan dalam kalangan keluarga dan kerabat mereka. Perniagaan ini mungkin akan diwariskan kepada generasi terkemudian walaupun terdapat dalam generasi terkemudiannya yang tidak berminat untuk meneruskannya. Namun begitu, kemahiran profesionalisme yang diutilisasikan sepenuhnya ini membawa kepada dinamisme dalam kalangan komuniti imigran ini walaupun mereka tidak mempunyai hubungan yang akrab dengan golongan aristokrat Melayu. Fenomena ini dapat disaksikan dalam kalangan komuniti India Islam dan Arab Syeikh (bukan saiyid) di Pulau Pinang (Mahani Musa & Badriyah Haji Salleh, 2013: 45 – 6).

MARGINALISASI EKONOMI WANG TERHADAP MASYARAKAT MELAYU

Bersandarkan beberapa hujah yang telah dilangsungkan di bahagian atas menunjukkan bahawa golongan imigran jauh lebih ke hadapan dalam bidang ekonomi berbanding dengan masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Faktor yang paling jelas dalam hal ini ialah kekurangan orientasi ekonomi wang dalam kalangan masyarakat Melayu, terutama sekali majoriti rakyat kerana dominasi golongan pemerintah yang telah menikmati kelebihan ekonomi wang hasil percukaian tradisional yang diperoleh daripada hasil pertanian dan perlombongan yang telah dikenakan terhadap rakyat. Pada asalnya, sistem percukaian yang diamalkan bukanlah berupa wang namun lebihan tersebut boleh diterjemahkan dalam bentuk wang melalui urus niaga sehingga membolehkan golongan pembesar mencebur aktiviti berdasarkan ekonomi wang.

Sebenarnya, agak sukar untuk membayangkan kemungkinan seseorang pembesar untuk menyediakan modal permulaan kepada golongan rakyat. Keadaan ini wujud mungkin kerana majoriti rakyat ketika itu adalah golongan tani dan nelayan yang gemar kepada orientasi sara diri. Hal ini tidak memberikan peluang kepada mereka untuk menikmati manfaat lebihan keluaran dalam bentuk kewangan (*surplus*), malahan sekiranya ada individu yang ingin melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi wang, mereka mungkin tidak diberikan ruang sedemikian rupa kerana keraguan oleh pihak pembesar sendiri tentang kebolehan dan pengalaman berniaga yang berorientasikan merkantilisme dalam kalangan rakyat.

Merkantilisme dari sudut sejarah difahami sebagai satu doktrin ekonomi yang diamalkan di Barat setelah keruntuhan feudalisme yang melibatkan kawalan pihak pemerintah terhadap perusahaan domestik, mempertingkatkan eksport ke wilayah asing dan menambahkan simpanan emas dan perak dalam negara serta fenomena ini telah wujud sebelum kemunculan kapitalisme di Barat serta kemudiannya turut berlangsung di rantau lain di dunia termasuklah Arab, India dan China (Ekelund & Hebert, 2007: 44–63).

Apabila dikaitkan dengan keadaan masyarakat Melayu di peringkat bawahan pada zaman pra-kapitalisme pula, konsep merkantilisme ini sangat marginal kerana melibatkan kegiatan perniagaan. Dengan erti kata yang lain, ia bermatlamatkan keuntungan atau menambah surplus justeru, ia perlu dilihat dalam konteks perniagaan dan pemilikan modal berbanding corak perniagaan masyarakat Melayu yang lebih bersifat keserantauan seperti urus niaga tukar barang yang lazimnya hanya memenuhi keperluan harian yang bukanlah dalam konteks perbincangan ini (Jomo Kwame Sundaram, 1986: 137–8).

Berpandukan dengan situasi yang digambarkan, sebahagian golongan rakyat bawahan yang terlibat dalam kegiatan pertanian begitu sulit untuk menceburkan diri dalam lapangan perniagaan walaupun pada dasarnya mereka lah sebenarnya yang menghasilkan lebihan (*surplus*) barang serta menyumbang kepada golongan atasan sehingga mereka berupaya untuk menyimpan sumber lebihan dalam bentuk wang. Situasi ini berbeza

dengan kelompok diperintah yang melihat bahwasanya aktiviti perniagaan sebenarnya terlalu elusif untuk memikirkan, hatta mempelajari perkara berkaitan perniagaan. Golongan pemerintah sendiri cenderung tidak mempunyai modal kewangan untuk memulakan perniagaan yang besar sehingga lazimnya menjalin kerjasama dengan pemodal Eropah (Jomo Kwame Sundaram, 1986: 135–56).

Dalam suatu situasi lain, golongan pemerintah Melayu lebih berpeluang cerah untuk memajukan ekonomi mereka dengan menjalin kerjasama dengan kelompok imigran sebagai tindakan awal mengekor jejak langkah mereka mengintai peluang ekonomi sedia ada ketika itu. Lapangan yang dilihat berupaya memacu pertumbuhan ekonomi ialah sektor pajakan hasil kerana satu saluran yang praktikal untuk menerobosi ekonomi merkantilisme hingga membawa kepada orientasi komersialisme. Contoh yang cocok untuk dikaitkan ialah penglibatan pembesar Melayu di Kedah yang terlibat sebagai pemegang utama dalam beberapa siri konsesi pajakan hasil di negeri tersebut.

Antara pembesar Melayu di negeri Kedah yang dikesan ialah Wan Mohamed Saman dengan memiliki dua konsesi di Kulim dan Kuala Muda dan Mohamed Hassan bin Abdul Rahman pula menjalankan konsesi di Kuala Kedah. Seorang lagi yang turut dinamakan ialah Mohamed Jasin tetapi di Krian. Kebanyakan konsesi pajakan hasil adalah berkaitan dengan binatang ternakan sebagai sumber utama seperti ayam, kambing dan lembu. Bagi tanaman pula konsesi yang dikesan ialah ubi dan tebu, pungutan nipah, tembakau serta garam. Tempoh bagi sesuatu konsesi yang diperoleh oleh mereka biasanya selama dua hingga enam tahun.²⁰

Tempoh ini dikatakan lebih pendek berbanding dengan tempoh konsesi yang dipegang oleh komuniti imigran yang lazimnya menjangkau sehingga sepuluh tahun. Tempoh konsesi yang lebih pendek ini adalah untuk mengurangkan bebanan cukai tahunan kerana semakin panjang tempoh sesuatu konsesi itu, semakin besar cukai yang perlu dibayar mengikut bilangan tahun. Peluang memajukan ekonomi berasaskan pajakan lebih berkisar kepada golongan pembesar berbanding majoriti rakyat. Justeru, sukar untuk melihat kelompok masyarakat mengusahakan sesuatu konsesi.

Boleh dikatakan keseluruhan peluang ekonomi ini dimonopoli oleh golongan aristokrat Melayu sahaja dan faedahnya tidak sampai kepada rakyat. Hal ini nampaknya tidak akan memperbaiki keadaan masyarakat secara keseluruhannya kerana tidak melibatkan golongan rakyat dalam sistem dan orientasi kekayaan yang dijana daripada ekonomi wang. Sekiranya pendedahan ekonomi wang diberikan kepada rakyat sekalipun sebagai langkah permulaan, masih dianggap tidak mencukupi bagi melahirkan bilangan rakyat yang terlibat dalam sektor perniagaan kecil apatah lagi sektor perdagangan komersial berskala besar.

Dari sudut teori dan praktik, perniagaan berskala kecil-kecilan merupakan asas pertapakan yang realistik sebagai langkah permulaan penglibatan rakyat dalam aktiviti merkantilisme yang merupakan peluang bagi mereka mendapatkan lebihan dalam bentuk kewangan. Sesungguhnya, kewujudan lebihan kewangan ini merupakan mekanisme yang paling asas bagi mempertingkatkan skala aktiviti ekonomi, terutama sekali ke arah komersialisme. Semakin bertambah lebihan, semakin bertambah saiz perniagaan atau perusahaan yang dapat dijalankan walaupun berhadapan dengan risiko kerugian.

Oleh itu, penglibatan masyarakat Melayu secara keseluruhannya ke dalam orientasi ekonomi wang yang berteraskan kepada ekonomi merkantilisme perlu digembleng bagi merealisasikan penyertaan golongan rakyat secara langsung atau tidak langsung. Secara realistiknya, penyertaan golongan rakyat ini perlu dibiayai oleh pihak pemerintah. Hal ini demikian kerana golongan tani tidak mempunyai lebihan dalam bentuk wang simpanan. Sementara itu, dapat diperhatikan bahawa orientasi kewangan ini telah menular ke dalam komuniti tani melalui peruntukan pinjaman pertanian yang bermula pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 (A Rahman Tang Abdullah, 2012: 85–9). Boleh dikatakan bahawa sumber pinjaman ini terlalu kecil bagi menampung keseluruhan mereka. Namun, apa yang lebih membimbangkan ialah fenomena mereka yang terjerumus ke dalam masalah hutang dan tanah yang tergadai kepada kaum peminjam wang ceti.

Secara realitinya, masalah hutang dalam kalangan komuniti tani ini sebenarnya berkait rapat dengan pengurusan wang mereka sendiri. Kecekapan pengurusan wang sangat penting untuk mempertingkatkan tahap ekonomi persendirian dan skala kegiatan ekonomi yang berteraskan tanaman komersial. Oleh sebab mereka juga sebenarnya tidak terdedah kepada orientasi dan amalan kewangan yang progresif, maka komuniti tani terpaksa bergantung pada dana pinjaman dan bentuk pengumpulan modal secara kolektif yang dijana melalui syarikat kerjasama atau koperasi.

Masyarakat Melayu pada permulaan abad ke-20 yang lebih terdedah dengan sistem ekonomi wang di peringkat permulaan bagi kelompok rakyat ialah peniaga kecil dan golongan pertukangan. Kedua-dua golongan ini lebih dinamik untuk muncul sebagai golongan pertengahan dalam konteks ekonomi moden kerana lebih terdedah kepada ekonomi wang, di samping berupaya mencipta lebihan berbanding komuniti tani. Oleh hal yang demikian, kedua-dua golongan rakyat ini dianggap sebagai pelopor kepada penglibatan kegiatan bersifat komersial dan berpotensi untuk muncul sebagai pemodal kecil dalam kalangan masyarakat Melayu ketika itu. Sayangnya, kemampuan mereka juga kekal terbatas sebagai pemodal kecil lantarankekangan membesar simpanan serta memerlukan penglibatan secara langsung dalam kalangan pembesar yang lebih stabil dalam aspek kewangan kerana kerjasama utuh antara pembesar dan rakyat dalam sesuatu institusi berupaya membina ekonomi yang bersifat mampan pada tahap akar umbi masyarakat.

Dalam memperkatakan pembinaan kekuatan ekonomi Melayu, mekanisme yang paling penting ialah mempertingkatkan dana pegangan modal dan skil ekonomi dalam kalangan mereka sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam membina sesebuah masyarakat yang bertamadun, pencarian dan pertambahan kekayaan dan keagamaan berkait rapat dengan soal martabat. Dalam konteks awal abad ke-20, pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi Melayu secara keseluruhannya bergantung kepada kemauan dan usaha yang dilakukan oleh mereka yang terlibat dalam perniagaan. Isu memperbaiki ekonomi Melayu melalui kegiatan perniagaan telah pun kedengaran secara langsung pada dekad kedua abad ke-20 yang dicanangkan dalam akhbar-akhbar Melayu terutama sekali *Neraca*.

Formula yang disarankan ialah penubuhan syarikat perniagaan Melayu yang diinspirasikan oleh penubuhan Syarikat Islam di Jawa.²¹ Syarikat Dagang Islam ini telah ditubuhkan di Jawa Barat pada tahun 1909 dan kemudiannya telah diubah namanya kepada Syarikat Islam pada tahun 1911. Dalam bahasa Indonesia, syarikat tersebut juga dikenali sebagai Sarekat Islam. Pada hujung dekad pertama dan awal dekad kedua abad ke-20, objektif penubuhannya untuk menggembangkan penyatuan dalam kalangan pedagang batik Jawa bagi menghadapi persaingan daripada golongan pedagang Cina pada ketika itu (Sartono Kartodirdjo, 1973: 155–62).

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan tersebut, dapat disimpulkan bahawa persoalan dominasi ekonomi komuniti imigran dalam zaman permulaan kapitalisme di Tanah Melayu pada pertengahan kedua abad ke-19 perlu difahami dalam konteks sejarahnya yang tersendiri. Walaupun terdapat kecenderungan untuk mengaitkan kekurangan daya saing masyarakat Melayu berbanding dengan komuniti imigran, ia perlu merujuk kepada reaksi masyarakat Melayu sendiri bagi menyesuaikan diri dengan orientasi perubahan ekonomi pada ketika itu yang berteraskan kepada kapitalisme dan komersialisme.

Dalam hal ini, dapat diperhatikan bahawa sektor perburuhan dalam kalangan masyarakat Melayu adalah terhad. Keadaan ini adalah berpunca dari sikap orang Melayu sendiri yang tidak berminat terlibat secara intensif atau tidak mahu berpisah dari kehidupan kampung pada ketika itu. Sikap sedemikian menyebabkan pemerintah Melayu sendiri telah membawa masuk buruh Cina sebagai buruh perlombongan sebelum kedatangan pemerintahan British ke Tanah Melayu. Keadaan yang sama dapat diperhatikan dalam kes buruh Jawa yang dibawa masuk oleh pemodal Arab dalam sektor perladangan di Kukup, Pontian, Johor.

Dalam aspek permodalan pula, golongan pemerintah Melayu juga jelasnya lebih berminat untuk menjalinkan kerjasama ekonomi dengan komuniti pemodal Eropah dan imigran walaupun mereka mempunyai

modal sendiri. Golongan pembesar ini merupakan golongan minoriti dalam kalangan masyarakat Melayu yang terlibat dalam ekonomi wang semenjak pra-kapitalisme lagi. Faktor ini yang selalunya dikaitkan dengan masalah kemantapan ekonomi komersial dalam kalangan masyarakat Melayu yang merujuk kepada kekurangan potensi yang dikaitkan dengan ekonomi wang. Sememangnya sumber kewangan diperlukan sebagai sumber modal dan pembiayaan kos operasi. Keperluan kewangan ini bukan sahaja merupakan faktor terpenting dan paling asas dalam sektor perniagaan dan perdagangan tetapi juga dalam sektor penanaman komersial walaupun berskala kecil-kecilan. Faktor ini dianggap sebagai sebab utama, yang seolah-olah menjadikan masyarakat Melayu ketinggalan berbanding dengan komuniti imigran. Hal ini disebabkan secara tradisinya sebahagian besar masyarakat Melayu tidak terdedah kepada ekonomi wang sebelum kedatangan zaman kapitalisme. Ia merujuk kepada marginalisasi ekonomi wang dalam kalangan masyarakat Melayu pada akhir abad ke-19.

RUJUKAN

- A Rahman Tang Abdullah. (2009). *Arab Hadhramis in Malaysia: Their origins and their assimilation in the Malay society*. Dlm. Ahmed Ibrahim Abushouk & Hassan Ahmed Ibrahim (Eds.). *The Hadhrami Diaspora in Southeast Asia: Identity Maintenance or Assimilation?* Leiden and Boston: Brill, hlm. 45–56.
- A Rahman Tang Abdullah. (2012). Economic change and transition of Malay society in Malaya in late nineteenth and early twentieth centuries. *Sejarah*, Bil. 20, Jabatan Sejarah, University Malaya, hlm. 71–95.
- Al-Attas, Syed Ali Mohamed. (1984). *Allahyarham Syed Hassan bin Ahmad al-Attas: Seorang mujahid dan pembangunan ummah*. Johor Bahru: Penerbit Wakaf Allahyarham Syed Hassan Ahmad al-Attas.
- Al-Sagoff, Syed Mohsen. (1963). *The Alsagoff Family in Malaysia: A.H. 1240 (A.D. 1824) to A.H. 1382 (A.D. 1962)*. Singapore: Mun Seong Press.
- Bajunid, Omar Farouk. (1971). The Arabs in Penang. Dlm. *Malaysia in history, special issue on Penang*, Vol. 21, hlm. 1–16.
- Brewer, Anthony. (1980). *Marxist theories of imperialism*. London dan New York: Routledge.
- Brogan, Hugh. (1990). *The Penguin history of the United States of America*. London: Penguin Book Ltd.
- Buckley, C. B. (1965). *An anecdotal history of old times in Singapore*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Ekelund, Robert B. Jr. & Hebert, Robert F. (2007). *A history of economic theory and method*. (Edisi kelima). Long Grove. Illinois: Wave land Press, Inc. (cetakan pertama 1997).
- Fine, Ben & Saad-Filho, Alfredo (Pnyt.). (2012). *The Elgar companion to Marxist economics*. Cheltenham dan Massachusetts: Edward Elgar Publishing Limited.
- Gullick, J. M. (1991). *Malay society in the late nineteenth century: The beginnings of change*. Singapura: Oxford University Press.
- Hill, Titos Heslop. (1879). Reports on Johor, Singapura.
- Hobsbawm, Eric. (2006). *The age of capital 1848–1875*. London: Abacus.
- Hodgart, Alan. (1977). *The economics of European imperialism*. London: Arnold.
- Jomo Kwame Sundaram. (1986). *A question of class: Capital, the state and uneven development in Malaya*. Singapura: Oxford University Press, hlm. 135–56.
- Surat menyurat Sultan Abdul Hamid No. 2, 1304-1312H. 1884-1895 T.M.
- Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid No. 7, 1315-1317H. 1897-1899 T.M, ANK.
- Khaltum Jeran (Pnyt.). (1986). *Hikayat Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kratoska, Paul H. (Pnyt.). (1983). *Honourable intentions: Talks on the British Empire in South-East Asia delivered at the Royal Colonial Institute 1874–1928*. Singapore, Oxford dan New York: Oxford University Press.
- Kratoska, P.H (Pnyt.). (2001). *SOUTH EAST ASIA Colonial History (Vol. I) Imperialism before 1800* Peter Borchberg. London dan New York: Routledge.
- Lenin, Vladimir. (1964). *Imperialism the highest stage of capitalism. A popular outline in collected works*. Moscow: Progress, Vol. 22.
- Lim Teck Ghee. (1977). *Peasants and their agricultural economy in colonial Malaya 1874–1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mahani Musa & Badriyah Haji Salleh. (2013). Muslim Merchants and Traders in Penang, 1860s–1970s. JMBRAS, VOL. 86, Part 2, hlm. 33–58.
- Merican, Haji Mohamed Ismail. (2003). Sejarah Kapitan Keling, Fail Kapitan Kling 2003, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- Mohd. Fadzil Othman. (1980). *Kisah pelayaran Mohammed Ibrahim Munsyi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shukor Omar. (2006). *Malay business: Revivalism through entrepreneurship*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. (Co.).
- Mohd Sohaimi bin Esa. (1999). *Ekonomi orang Arab di Johor (1862–1942)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammed Abdul Khalid. (2014). *The colour of inequality: Ethnicity, class, income and wealth in Malaysia*. Kuala Lumpur: MPH Bhd.
- Nonini, Donald M. (1991). *British colonial rule and the resistance of the Malay peasantry, 1900–1957*. Monograph Series 38, Yale: Yale University Press.
- North, Douglass C. (2005). *Understanding the process of economic change*. Princeton dan Oxford: Princeton University Press.

- Perry, Matt. (2002). *Marxism and history*. Hounds Mills dan New York: Palgrave.
- Putucheary, J. J. (2004). *Ownership and control in the Malayan economy: A study of the structure of ownership and control and its effects on the development of secondary industries and economic growth in Malaya and Singapore*. Petaling Jaya: Insan, Edisi ketiga. (cetakan pertama, 1960, Singapore: Eastern Universities Press Ltd.).
- Saadiah Said. (1979). Penglibatan keluarga al-Sagoff dalam ekonomi Johor, 1878–1906. *Jebat*, Bil. 7/8, hlm. 52–67.
- Sartono Kartodirdjo. (1973). *Protest movements in rural Java*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- SSD (Singapore and Straits Directory). (1874). Arkib Negara Malaysia cawangan Johor Bahru (ANJ).
- Syahira Hamidon. (2014). *The development of Malay entrepreneurship in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Tarling, Nicholas. (2001). *Imperialism in Southeast Asia 'A fleeting, passing phase'*. London dan New York: Routledge.
- Trocki, C. A. (1979). *Prince of pirates: The Temenggongs and the development of Johor and Singapore 1784–1885*. Singapura: Singapore University Press.
- Wan Hashim. (1995). *Peasants under peripheral capitalism*. Bangi: Penerbit UKM.

NOTA

¹ Report of Larut Commissioners, 21 Feb. 1874, Swettenham Papers, no. 72. Arkib Negara Malaysia (ANM), Kuala Lumpur.

² Brief History of Alsagoff Concession Kukub, 25 Mac 1924, Arkib Negara Malaysia cawangan Johor (ANJ).

³ *Straits Daily Times*, 6, 9, 23 dan 24 Mei, 1879; Siri artikel tersebut kemudiannya telah diterbitkan sebagai pamphlet. Titos Heslop Hill, “Reports on Johor”, Singapura: 1879, hlm. 2–18.

⁴ Brief History of Alsagoff Concession Kukub, 25 Mac 1924, ANJ.

⁵ Daftar Tauliah Penghulu-Penghulu Dalam Daerah Muar 1290'H (1874), ANJ.

⁶ CO 273/54, Ker kepada Kimberley, 24 Feb. 1873 dan 28 Feb. 1871, National Archive at Kew, United Kingdom (NAK).

⁷ CO 273/66, Abu Bakar kepada Ord, 21 Mac, 1873, NAK.

⁸ Lihat Surat menyurat Sultan Abdul Hamid No. 2, 1304-1312'H (1884-1895 T.M.), Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah, Alor Merah, Kedah, (ANK).

⁹ Lihat Surat menyurat Sultan Abdul Hamid No. 9, 1318'H (1900 T.M.), ANK.

¹⁰ Puteri Sultan Kedah ini sebenarnya merupakan isteri ketiga. Isteri kedua Kapitan Keling bernama Che Aminah yang juga merupakan sepupu kepada isteri pertama bernama “Pathni” Fatimah Nachiar.

¹¹ SSD, 1874, Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor Bahru (ANJ), hlm. 3–7.

¹² Surat Hutang Lim Toh Kerana Sewa Rumah Kongsi Candu di Padang, Muar, 9 March, 1873, Johor State Secretary, Surat-Surat Pelbagai, S. 15, ANJ.

¹³ Singapore Chamber Of Commerce kepada Gabenor Cavenagh, 30 Dec. 1865, SSR. W. 25, no. 301, National Archive of Singapore.

¹⁴ J843-J927: Surat Perjanjian Galian Timah di Ayer Puteh Kepada Syed Abdullah bin Umar al-Junid Pada 12 Rabi' al-Awal 1280 (1863), bil. S. 35 dalam Kumpulan Surat-surat Pelbagai yang Disimpan oleh Setiausaha Kerajaan Johor, ANJ.

- ¹⁵Buku Daftar Surat Jual-beli, Pajak Gadai dan Hutang 1284-1301H/1867-1884M, ANJ.
- ¹⁶Surat Perjanjian Tanah Konsesi Kukup, 14 Jamadil-Awwal 1295'H/16 Mac 1278'm, (SS 1451/1921), Brief History of Alsagoff Concession Kukup, 25 Mac 1924, ANJ.
- ¹⁷Surat Perjanjian Pembatalan Cukai Tanah Konsesi Kukup, 4 Sya'ban 1305'H/16 April 1888 (SS 1451/1921). Salinan Surat-surat Datuk Menteri (1886-1891), J/SUK 11. ANJ.
- ¹⁸Surat Perjanjian Tanah Konsesi di Antara Sultan Ahmad, Pahang Dengan Syed Hassan Ahmad al-Attas Pada 10 April 1889, British Resident of Pahang, BRP274/2926, ANJ.
- ¹⁹*Straits Times*, 9 September 1930, Library of National University of Singapore.
- ²⁰Surat menyurat Sultan Abdul Hamid No. 2, 1304-1312'H (1884-1895 T.M. Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid No. 1315-1317'H (1897-1899 T.M, ANK.
- ²¹“Syarikat Islam” dlm. *Neraca*, 23 Jun 1913, Arkib Negara Malaysia (ANM), Kuala Lumpur.

